

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RPK 558 - Perundangan Dan Pentadbiran Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. SATU soalan daripada setiap Bahagian (A, B dan C).

BAHAGIAN A

1. a) Bincangkan prosedur penglulusan Rancangan Struktur di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa (PBD) 1976. Gunakan cartalir yang sesuai.

(60 markah)

b) Apakah perbezaan antara prosedur penglulusan Rancangan Tempatan dengan Rancangan Struktur?

Apakah tujuan perbezaan tersebut?

(20 markah)

c) Apakah kelebihan sistem penglulusan Rancangan Pemajuan di bawah Akta PBD 1976 jika dibandingkan dengan sistem Pelan Bandar di bawah Enakmen Lembaga Bandaran Bab 137?

(20 markah)

2. a) Bandingkan peruntukan untuk Kawalan Perancangan di bawah Akta PBD 1976 (Malaysia) dengan peruntukan yang serupa di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1971 (England & Wales).

(50 markah)

b) Kategori kegunaan tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 bukan untuk tujuan Kawalan Perancangan dan tidak berhasil daripada sesuatu Rancangan Pemajuan.

Bincangkan.

(50 markah)

BAHAGIAN B

3. a) Dengan Carta Organisasi bincangkan fungsi bahagian-bahagian di sebuah pejabat perancangan Pihak Berkuasa Tempatan Di Malaysia.

(70 markah)

b) Apakah fungsi dan perhubungan di antara tiga peringkat pentadbiran perancangan bandar di Malaysia (peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan)?

(30 markah)

4. a) Bincangkan bagaimanakah Jentera Pentadbiran di Malaysia telah menyumbang kepada perancangan dan perlaksanaan Rancangan Pembangunan 5-Tahun?

(70 markah)

b) Apakah sumbangan jentera pentadbiran perancangan bandar di dalam perancangan dan perlaksanaan Rancangan Pembangunan 5-Tahun?

(30 markah)

BAHAGIAN C

5. Secara ringkas, bincangkan empat (4) sahaja perkara-perkara berikut:-

a) Hak merayu di bawah Akta PBD 1976

(25 markah)

b) Bayaran Pemajuan di bawah Akta PBD 1976

(25 markah)

c) Makna "Pembangunan" di bawah Akta PBD 1976

(25 markah)

d) Kuasa dan fungsi Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan

(25 markah)

e) Sistem Pentadbiran Perancangan di bawah Akta PBD 1976

(25 markah)

f) Kelulusan Pelan Susunatur oleh Pihak Berkuasa Tempatan

(25 markah)

g) Notis Beli

(25 markah)